

D841

U B357 DEB
MCA - MAHATHIR ❧ ❧ ❧

KUALA LUMPUR, 11 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KEJAYAAN BARISAN NASIONAL MENDIRI DAN MEMERINTAH NEGARA ADALAH KERANA IA TERDIRI DARIPADA GOLONGAN SEDERHANA DAN BERPANDUKAN PRINSIP KERJASAMA DAN BERMUAFAKAT.

BARISAN NASIONAL LEBIH MENGUTAMAKAN MESYUARAH DAN SEMANGAT TOLAK-ANSUR DI ANTARA PARTI-PARTI KOMPONENNYA DALAM USAHA MENCAPAI PERBETUJUAN, KATA BELIAU YANG JUGA Pengerusi BN.

KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG KE-35 MCA DI SINI, BELIAU BERKATA PARTI-PARTI LAIN TIDAK MUNGKIN BERJAYA MEMERINTAH DALAM NEGARA BERBILANG KAUM SEPERTI MALAYSIA KERANA MEREKA LEBIH SUKA BERBENGKETA DARIPADA BERMUAFAKAT.

KATANYA, KEBELAKANGAN INI, ADA TERDENGAR DAN TERDAPAT LAPORAN AKHBAR MENGENAI BANYAK PENDAPAT YANG BERLAINAN ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG MEMBERI GAMBARAN SEOLAH-OLAH PARTI-PARTI KOMPONEN ITU TIDAK LAGI SEPAKAT DAN SEALIRAN.

+TETAPI APA YANG TIDAK DIBERI PERHATIAN IALAH KEJAYAAN BARISAN NASIONAL MENGATASI MASALAH AKHIRNYA. ANGGAPAN ORANG LAIN BAHAWA BARISAN NASIONAL SUDAH LEMAH ADALAH MIMPI MEREKA,+ TEGAS BELIAU. -- LAGI.

1156MST 11 07 87

D842

U B358 DEB
MCA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR ❧ ❧ ❧

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERPENDAPAT AKHIR-AKHIR INI, PRINSIP TOLERANSI DAN KERJASAMA SEDEMIKIAN NAMPAKNYA TERGUGAT SEDIKIT KERANA TERDAPAT PIHAK-PIHAK TERTENU YANG MEMBELAKANGKAN PRINSIP MESYUARAH.

TERDAPAT DI KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN PIHAK-PIHAK YANG KERAP DAN NYARING MENYUARAKAN SESUATU TANPA MENGAMBIL KIRA ASAL-UBUL PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN TANPA MEMPERHITUNGGAN AKIBAT TINDAKAN GOPOH MEREKA.

+SAYA BERPENDAPAT SEKIRANYA ADA KETIDAKPUASAN HATI MENGENAI SESUATU PERKARA, PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SEPATUTNYA MENGGUNAKAN SALURAN YANG SEDIA ADA ANTARA PARTI,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENASIHATI PARTI-PARTI KOMPONEN AGAR SENTIASA MENGAMALKAN KEBEDERHANAAN DAN BERSIKAP RASIONAL DALAM MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN KAUM MEREKA SENDIRI UNTUK MENGELAKKAN-DIRI DARIPADA DITUDUH BERTINDAK KETERLALUAN.

RAKYAT MALAYSIA DAN LEBIH-LEBIH LAGI PARA PEMIMPIN HENDAKLAH JANGAN MELAKUKAN PERKARA-PERKARA ATAU MELUAHKAN KATA-KATA YANG MUNGKIN MENGGUGAT KEADAAN EKONOMI YANG TELAH MENUNJUKKAN TANDA-TANDA PEMULIHAN. -- LAGI.

1200MST 11 07 87

D850

U B361 DEB
MCA - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR * * *

+KADANG-KADANG SAYA RASA SEOLAH-OLAH KITA ORANG-ORANG MALAYSIA ADALAH MUSUH KETAT DIRI KITA SENDIRI. KITA LEBIH AWAL MENGUTUK APA JUGA RANCANGAN UNTUK KEBAIKAN YANG KITA BUAT SEHINGGA ORANG LAIN TIDAK DAPAT YAKIN AKAN KEBOLEHAN KITA,+ KATANYA.

MALAYSIA MEMPUNYAI KEMUDAHAN UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN ASAS MASYARAKAT TETAPI TIDAK DAPAT MEMENUHI KEHENDAK ORANG-ORANG YANG TAMAK, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN BAHAWA GEJALAH POLITIK YANG PERLU DIAWASI DI NEGARA INI IALAH KEGIATAN MEMINDAH KESETIAAN WAKIL RAKYAT DARI SATU PARTI KEPADA PARTI LAIN.

WAKIL RAKYAT YANG TIDAK BERSETUJU DENGAN PARTINYA SEPATUTNYA MENGOSONGKAN TEMPATNYA MEMANDANGKAN YANG DIA DIPILIH, ANTARA LAIN, KERANA DICALONKAN OLEH PARTINYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA APA YANG SEMAKIN JELAS SEKARANG IALAH PEMINDAHAN KESETIAAN ITU ADALAH KERANA WAKIL RAKYAT BERKENAAN DISOGOK ATAU DIJANJIKAN WANG ATAU SESUATU YANG LAIN.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP MANA-MANA WAKIL RAKYAT YANG DIDAPATI BERBUAT DEMIKIAN KERANA IA TIDAK BERBEZA DENGAN PENERIMAAN RASUAH. -- LAGI.

1225MST 11 07 87

U B364 DEB
MCA - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR * * *

+POLITIK WANG TIDAK BOLEH DIBENARKAN BERLELUASA DI NEGARA INI, JIKA KERAJAAN SUDAH BOLEH DIBELI, MAKA BUKAN SAHAJA DEMOKRASI TIDAK BERMAKNA LAGI, TETAPI JUGA NEGARA INI MUNGKIN DIPERKOSA OLEH ORANG YANG KAYA DAN LEBIH BURUK LAGI, OLEH KUASA ASING.

+KERAJAAN MEMANDANG BERAT TERHADAP SEBARANG KEGIATAN YANG CUBA MENJATUHKAN KERAJAAN DENGAN MENGGUNAKAN WANG.+ TAMBAHNYA.

YANG TURUT HADIR PADA UPACARA PERASMIAN PERHIMPUNAN ITU IALAH TUN TAN SIEW SIN, PRESIDEN MIC DATUK S.SAMY VELLU DAN PARA KETUA PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG LAIN. -- BERNAMA.

1236MST 11 07 87